

# Sungai Tuang tahap kronik

➔ Air tak boleh diguna untuk sebarang tujuan

Oleh Fairuz Zaidan  
fairuzaidan@bh.com.my

► Melaka

**P**encemaran teruk Sungai Tuang akibat pelepasan sisa ternakan babi sekitar Paya Mengkuang dekat Alor Gajah di sini, menyebabkan airnya tidak lagi sesuai untuk sebarang tujuan berkaitan kehidupan penduduk sekitarnya.

Walaupun mampu diproses dengan rawatan tambahan sebagai bekalan untuk kegunaan penduduk ketika Indeks Kualiti Air (IKA) berada dalam Kelas III pada 2005, kualitinya merosot kepada Kelas V iaitu tidak sesuai bagi sebarang tujuan pada 2014.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Shafe'ee Yasin, berkata pencemaran Sungai Tuang sejak lebih 10 tahun lalu berlaku kerana sisa kumbahan babi disalurkan di sepanjang kurang satu kilometer (km) sebelum ke muara pantai.

“Pada tahun lalu, JAS merekodkan bacaan IKA Sungai Tuang pada Kelas IV (hanya sesuai untuk pengairan tanaman sahaja), malah sehingga Oktober tahun ini, ia kekal pada tahap sama.

## Pindah pusat ternak babi

“Sehubungan itu, kita berpendapat jika hendak memulihkan kualiti air sungai terbabit, adalah wajar pusat ternakan babi sekitar Paya Mengkuang itu dipindahkan ke tapak baharu yang menyediakan kemudahan moden dan mesra alam,” katanya kepada BH di sini.

Beliau mengulas laporan BH berhubung keluhan kira-kira 1,000 penduduk sekitar Pengkalan Balak, Alor Gajah yang terpaksa menghidu bau busuk najis babi sejak lebih 10 tahun lalu, susulan pelepasan sisa kubahan oleh pusat ternakan berhampiran ke sungai.

Mengulas lanjut tindakan yang boleh diambil JAS berhubung kesan pencemaran sungai itu, Shafe'ee berkata, pihaknya tidak mempunyai kuasa lanjut berikutan lesen operasi ternakan babi dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri serta membabitkan kelulusan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Sementara itu, Yang Dipertua MPAG, Datuk Murad Husin, berkata agensi itu hanya bertanggungjawab dalam meluluskan permit bangunan sementara, di mana dalam isu pusat ternakan babi itu hanya sebahagian daripada penguasa memiliki permit berkenaan.



**Air berwarna hitam** yang dilepaskan dari ladang ternakan babi di Paya Mengkuang terus mengalir ke Sungai Tuang.

Info

## Carta Indeks Kualiti Air (IKA)

| PENUNJUK KELAS | INDEKS KUALITI AIR (IKA) | KELAS | PENGKELASAN KUALITI AIR                     |
|----------------|--------------------------|-------|---------------------------------------------|
| Blue           | > 92.7                   | I     | Bekalan air tanpa sebarang rawatan          |
| Light Blue     | 76.5 - 92.7              | II    | Bekalan air dengan rawatan konvensional     |
| Green          | 51.9 - 76.5              | III   | Bekalan air dengan rawatan tambahan         |
| Yellow         | 31.0 - 51.9              | IV    | Sesuai untuk tujuan pengairan tanaman       |
| Red            | < 31.0                   | V     | Tidak sesuai untuk mana-mana tujuan di atas |